

PEMILIK KEDAI RUNCIT DIKOMPAUN RM1 RIBU, GAGAL PAMER HARGA LPG

April 29, 2020



LABUAN: Pemilik premis kedai runcit di sebuah kampung di Jalan Bukit Timbalai disini di kompaun sebanyak RM 1,000 hari ini atas kesalahan gagal mempamerkan tanda harga jualan bagi produk Gas Petroleum Cecair – LPG.

Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Labuan melakukan pemeriksaan di premis-premis di sekitar luar bandar di pulau bebas cukai sini pada jam 11.00 pagi.

Menurut ketua pegawai penguatkuasa KPDNHEP Labuan Anual Kannari tindakan diambil adalah berdasarkan kesalahan gagal mempamerkan, meletakkan label, tag, atau tanda harga tunai keatas LPG yang dipamer untuk jualan.

Katanya ianya kesalahan pelanggaran sub-perenggan 3 (1), Perintah Kawalan Harga (Penandaan oleh Penjual Runcit) 1993.

"Peniaga diingatkan supaya sentiasa meletakkan tanda harga ke atas barangan yang dijual harga, agar memudahkan pengguna membuat pilihan semasa membeli barangan," katanya.

Beliau mengingatkan KPDNHEP Labuan akan meneruskan pemeriksaan dan pemantauan secara menyeluruh bagi harga dan barangan keperluan asas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memastikan barangan sentiasa mencukupi.

"Sepanjang pemeriksaan, bekalan keperluan harian di semua premis jualan barangan pengguna mencukupi," katanya.

<https://www.borneotoday.net/pemilik-kedai-runcit-dikompoun-rm1-ribu-gagal-pamer-harga-lpg/>

